

**HIMPUNAN KOMUNITI USAHAWAN TEKUN BERSAMA YAB TAN SRI DATOâ** ♦♦

**HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD YASSIN**

09/03/2013

BUKIT JAWI GOLF RESORT, NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG

الرَّحِيمِ الرَّحْمَنِ اللَّهُ بِسْمِ

Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed Yakcop  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berhormat Datuk Seri Noh bin Haji Omar  
Menteri Pertanian & Industri Asas Tani;

Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi  
Mantan Perdana Menteri merangkap  
Ketua UMNO Bahagian Kepala Batas;

Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin Osman  
Penasihat Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah;

Yang Berhormat Datuk Hajah Suraya Yaakob  
Pengerusi TEKUN Nasional merangkap  
ADUN Kawasan Sungai Tiang;

Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Rahim Hassan  
Pengaruh Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif  
TEKUN Nasional;

Ketua-ketua jabatan, pihak media massa, tuan-tuan dan puan-puan para usahawan TEKUN yang saya hormati sekalian.

تُهُ وَبَرَكَاتِ اللَّهِ وَرَحْمَتُهُ عَلَيْكُمْ السَّلَامُ

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita berkumpul pada hari ini dalam satu majlis yang amat bermakna yang menghimpunkan usahawan-usahawan daripada Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Perlis.
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir khususnya kepada pihak TEKUN Nasional yang telah sudi menjemput saya bagi merasmikan majlis pada petang ini.
3. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan sebagai

masyarakat peniaga kerana dapat berdikari di bumi bertuah ini secara 'self-employment' dan menjana pendapatan sendiri melalui perniagaan yang diceburi.

4. Malah ada di antara saudara dan saudari di sini yang mampu menyediakan peluang-peluang pekerjaan 'employment opportunities' kepada orang lain menerusi perniagaan dan usaha niaga yang saudara-saudari usahakan. Ini bermakna, perniagaan adalah satu bidang yang sungguh mulia dan murni sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud "Pekerjaan yang paling baik ialah usaha sendiri dan perniagaan yang bersih".

## MODAL PERNIAGAAN

5. Saudara dan saudari sekalian, apabila kita menyentuh mengenai bidang perniagaan, pastinya ramai akan mengaitkannya dengan keperluan modal. Ramai daripada golongan Bumiputera tidak menceburi bidang perniagaan adalah kerana kekangan modal. Kerajaan sedia maklum bahawa peniaga-peniaga kecil kurang berminat untuk mendapatkan pinjaman melalui institusi kewangan walaupun pelbagai kemudahan telah disediakan oleh pihak bank dan institusi kewangan di negara ini.

6. Mereka menganggap adalah sukar untuk mendapatkan pinjaman kerana institusi kewangan mengenakan syarat-syarat yang agak ketat seperti memerlukan penjamin, cagaran, kertas kerja, track-record, akaun perniagaan dan sebagainya.

7. Seterusnya peniaga-peniaga kecil ini tiada pilihan lalu beralih kepada sumber pembiayaan kewangan lain yang lebih mudah dan cepat seperti ceti haram atau Along. Tetapi golongan ini mengenakan kadar faedah yang amat tinggi dan membebankan usahawan.

8. Akhirnya keuntungan perniagaan yang diperolehi akan dibolot oleh Along dan akhirnya para peniaga tidak dapat bertahan lama.

9. Seterusnya, perniagaan mereka terpaksa ditutup dan terpaksa melarikan diri kerana tidak mampu untuk membayar balik pinjaman tersebut. Keadaan ini menimbulkan kesulitan dan kemudaratan kepada peminjam dan ahli keluarga mereka.

## AKSES KEPADA KREDIT

10. Menyedari masalah ini serta keprihatinan Kerajaan terhadap kepentingan peniaga-peniaga kecil Bumiputera, maka Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) yang bertujuan untuk mengatasi masalah kesukaran peniaga-peniaga kecil Bumiputera mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan dan mengelakkan mereka meminjam daripada Along.

11. Skim pinjaman TEKUN adalah merupakan skim pinjaman yang mudah, tidak memerlukan penjamin dan cagaran serta mudah diakses oleh peniaga di seluruh negara.

12. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan akses yang mudah kepada semua rakyat bagi mendapatkan kemudahan kredit tanpa mengira faktor geografi, "We don't ask

the people to go to the bank, but we bring the bank to the people”.

13. Malah kini, TEKUN telah beroperasi di kawasan-kawasan pedalaman seperti di Bekenu dan Sibuti di Sarawak; Pulau Banggi, Kalabakan dan Pensiangan di Sabah serta Dabong di Kelantan serta lain-lain kawasan pedalaman di seluruh negara.

14. Saya difahamkan bahawa TEKUN telah menyalurkan pinjaman bernilai lebih RM2.5 bilion (Sumber: RM1.6 bilion daripada pihak Kerajaan dan RM0.9 bilion daripada bayaran balik pinjaman TEKUN) kepada 244 ribu usahawan melalui 198 pejabat kawasan yang jangkauannya (outreach) meliputi kesemua 222 kawasan Parlimen di seluruh negara.

15. Bilangan ini juga termasuk pembiayaan kepada 5,377 peniaga daripada kalangan masyarakat India yang bernilai RM48.57 juta di bawah program Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) yang diperkenalkan pada tahun 2008.

#### CAJ PERKHIDMATAN

16. Sepertimana saudara dan saudari sedia maklum, pinjaman TEKUN ini mengenakan caj perkhidmatan yang amat rendah iaitu 4% setahun berbanding dengan institusi mikro Kredit luar negara. Sebagai contoh, Grameen Bank di Bangladesh mengenakan caj sehingga 20%, Bank Rakyat Indonesia pula mengenakan caj sehingga 25% dan kebanyakan negara di dunia mengenakan caj pada kadar 25% setahun.

17. Ini jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan dalam usaha membantu golongan peniaga dan usahawan mendapat pinjaman yang mudah pada kadar caj yang rendah serta tempoh bayaran balik yang fleksibel.

#### PERUNTUKAN DANA TEKUN

18. Bagi tujuan ini, pada tahun 2013 di bawah TEKUN, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM350 juta menjadikan jumlah keseluruhan dana terkumpul daripada pihak Kerajaan kepada TEKUN berjumlah RM1.6 bilion sejak penubuhannya pada tahun 1998.

19. Daripada RM350 juta yang telah diperuntukkan pada tahun ini, sebanyak RM50 juta adalah dikhaskan kepada masyarakat India di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI).

#### MODAL DALAMAN (SOFT-CAPITAL)

20. Saudara dan saudari sekalian, kejayaan seseorang usahawan tidak hanya bergantung kepada bantuan dan pinjaman kewangan yang disediakan oleh pihak Kerajaan semata-mata.

21. Kerajaan turut menyediakan kemudahan dan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan peniaga dapat berniaga dengan jayanya seperti membantu mendapatkan premis perniagaan, menyediakan latihan dan sebagainya.

22. Selain modal dalam bentuk wang ringgit, syarat lain yang tidak kurang penting serta perlu ada dalam diri usahawan ialah sifat kegigihan, kesungguhan, rajin berusaha, jujur, amanah, berdisiplin, berilmu dan berpengetahuan serta tidak mudah putus asa, yang juga boleh dianggap sebagai modal penting kepada usahawan itu sendiri apabila menceburi dunia perniagaan.

23. Peniaga yang jujur, amanah dan berdisiplin akan mendapat kepercayaan daripada pelanggan dengan memperolehi peluang perniagaan yang berterusan. Begitu juga dengan peniaga yang berdisiplin, pandai menguruskan kewangannya dengan baik akan mendapat perhatian daripada pihak bank yang memberikan kemudahan pinjaman kepadanya serta pihak pembekal yang memberikan input perniagaan secara kredit.

24. Ini menunjukkan kejayaan seseorang peniaga tidak hanya bergantung semata-mata kepada modal wang ringgit sahaja tetapi ianya juga melibatkan modal dalaman dirinya sendiri ataupun soft-capital yang juga memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang peniaga.

#### USAHAWAN BERJAYA

25. Ukuran kejayaan Program TEKUN bukan hanya berdasarkan kepada jumlah pinjaman yang disalurkan atau bilangan peminjam yang menerimanya, tetapi kejayaan (out-come) Program TEKUN adalah berdasarkan kepada berapa ramai yang berjaya memanfaatkan pinjaman tersebut sehingga berjaya dalam perniagaan yang diceburi.

26. Dalam erti kata lain, Program TEKUN ini hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya oleh para usahawan kecil Bumiputera dan masyarakat India. Saya difahamkan pada hari ini TEKUN Nasional akan menyampaikan Anugerah Usahawan Cemerlang bagi mengiktiraf kejayaan keusahawanan mereka.

27. Ada di antara usahawan berjaya ini mampu memperolehi pendapatan jualan tahunan yang tinggi sehingga melebihi RM1.0 juta berbanding dengan jualan sebanyak RM100 ribu sebelum mendapat kemudahan pinjaman daripada pihak TEKUN Nasional. Saya merasa amat bangga dan ingin mengucapkan tahniah di atas kejayaan usahawan yang akan menerima anugerah sebentar nanti.

28. Saya percaya usahawan TEKUN yang berjaya ini adalah hasil usaha dan kegigihan mereka sendiri di samping kemudahan serta bantuan yang diberikan oleh pihak Kerajaan seperti kemudahan pinjaman yang disediakan oleh pihak TEKUN Nasional.

29. Saya berharap semoga mereka menghargai dan bersyukur di atas usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam membantu mereka selama ini.

30. Adalah diharapkan dengan usaha-usaha Kerajaan ini, akan dapat melahirkan lebih ramai lagi usahawan yang berjaya selaras dengan hasrat untuk mewujudkan masyarakat berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 nanti.

31. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan

Himpunan Komuniti Usahawan TEKUN pada hari ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima Kasih.